

# Amerika Syarikat terima paten enzim dari UPM

PUTRAJAYA 2 Sept. – Enzim *Geobacillus Zalihae* yang merupakan hasil penyelidikan pengkristalan protein dalam program angkassawan negara tahun lepas telah menerima paten di Amerika Syarikat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johny Ongkili berkata, enzim yang diberi nama sempena penyelidikannya, Prof. Raja Noor Zaliha Raja Abd. Rahman dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga difailkan patennya di Malaysia, Eropah dan Jepun.

“Salah satu penyelidikan yang dijalankan dalam program angkassawan negara iaitu pengkristalan protein telah difailkan patennya di Malaysia, Jepun dan Eropah manakala Amerika Syarikat telah memberikan paten.

“Empat lagi penyelidikan di angkasa lepas membabitkan sel dan mikrob bagaimanapun masih dalam proses pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bengkel sains mikrograviti anjuran Agensi Angkasa Negara (Angkasa) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini hari ini.

Maximus berkata, kementeriaannya sedang membuat persiapan tentang Dasar Angkasa Negara supaya ia boleh dibentangkan di Kabinet dalam tempoh dua bulan

lagi.

“Saya jangka akan bawa laporan penuh tentang perkara ini dalam 60 hari akan datang dan Kabinet akan tentukan tentang masa depan, skala dan peruntukan mengennainya,” katanya.

Dalam pada itu, Prof. Raja Noor Zaliha berkata, enzim yang dihasilkannya boleh digunakan untuk tujuan industri seperti dalam pengeluaran pencuci, bahan farmaseutikal dan makanan tambahan.

“Enzim ini boleh menjana pendapatan dan jika kita keluarkan sendiri, ia boleh memberi peluang pekerjaan kepada graduan bioteknologi negara.

“Kita juga boleh jual teknologi ini ke luar negara kerana potensi pasaran untuk enzim memang besar,” katanya.

Beliau berkata, penyelidikan protein di angkasa lepas adalah penting kerana kristal protein yang lebih besar boleh dibentuk di situ.

“Kita boleh menghasilkan kristal protein yang dua kali ganda lebih besar daripada kristal protein yang dihasilkan di bumi.

“Kita perlukan kristal protein yang besar untuk melihat strukturnya, lebih besar strukturnya lebih mudah untuk mengetahui macam mana protein bertindak dan seterusnya kita dapat gunakan protein itu sepenuhnya,” katanya.



MAXIMUS Ongkili bersalaman dengan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah Angkasa, Prof. Dr. Mazlan Othman (dua, kiri) pada bengkel Sains Mirogravity di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC) Putrajaya, semalam.

UTUSAN MALAYSIA - 3 SEPT 08.